

UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

GARIS PANDUAN

*Pengendalian Kes
Gangguan Seksual
di Universiti Putra
Malaysia*

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Universiti Putra Malaysia

KANDUNGAN

1.0	Tujuan	1
2.0	Latar Belakang	1 - 2
3.0	Terminologi dan Singkatan	3
4.0	Dasar Universiti Putra Malaysia Mengenai Gangguan Seksual	4
5.0	Kumpulan Sasaran	5 - 6
6.0	Pengertian Gangguan Seksual	6
7.0	Kategori Gangguan Seksual	7 - 8
8.0	Perlakuan, Keadaan atau Perbuatan yang Terjumlah Kepada Gangguan Seksual	9 - 10
9.0	Pengecualian	11
10.0	Prosedur Penyelesaian Aduan	11 - 15
11.0	Proses Mediasi	16
12.0	Tindakan Tatatertib Kepada Pelajar	17
13.0	Kerahsiaan	18
14.0	Pemakaian	18
15.0	Carta Alir Tatacara Mengendalikan Kes Gangguan Seksual Di Universiti Putra Malaysia	19
16.0	Senarai Lampiran	20

1.0 Tujuan

Garis Panduan ini adalah bertujuan untuk:

- 1.1 memberi pemahaman mengenai kategori dan jenis perlakuan gangguan seksual;
- 1.2 menjelaskan prosedur dan kaedah pengendalian kes gangguan seksual di UPM; dan
- 1.3 menjadi sumber rujukan kepada pelajar dan Pusat Tanggungjawab berhubung tindakan yang boleh diambil dalam menangani perlakuan gangguan seksual di UPM.

2.0 Latar Belakang

- 2.1 Universiti Putra Malaysia (UPM) merupakan sebuah universiti penyelidikan bereputasi antarabangsa yang bertekad menyediakan persekitaran dan suasana pembelajaran yang selesa, kondusif, selamat dan bebas daripada sebarang diskriminasi atau keganasan kepada pelajar. Dalam usaha melahirkan modal insan kelas pertama, UPM menyokong usaha menolak perbuatan gangguan seksual yang boleh menggugat kesejahteraan dan keharmonian warga kampus.
- 2.2 Gangguan seksual bermaksud sebarang tingkah laku yang berunsur seksual yang tidak diingini dan memberi kesan sebagai satu gangguan sama ada secara lisan, visual, psikologi atau fizikal yang boleh menyebabkan seseorang yang waras berasa ketakutan, tersinggung, terhina, tergugat atau permusuhan. Perbuatan tersebut boleh terjadi kepada sesiapa sahaja sama ada berlainan atau sesama jantina. Dengan kata lain, perbuatan tersebut merentasi jurang gender dan status seseorang.

- 2.3 Perbuatan gangguan seksual boleh terjadi di dalam pelbagai bentuk sama ada perbualan dan jenaka yang mengandungi unsur seksual, sentuhan yang tidak diingini dan membuatkan orang lain tidak berasa tidak selesa atau perbuatan mengirim bahan-bahan berbau seksual.
- 2.4 Perbuatan gangguan seksual ini juga dianggap sebagai suatu perbuatan yang tidak bermoral dan bertentangan dengan Prinsip Etika Kerja dan Nilai-Nilai Murni UPM. Walaupun tiada peruntukan khusus berkenaan gangguan seksual di dalam Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30], gangguan seksual adalah suatu perlakuan yang dilarang di UPM kerana memberi kesan negatif kepada prestasi dan keharmonian serta memburuk dan mencemar nama UPM. Proses tindakan tatatertib boleh diambil ke atas staf dan pelajar yang disyaki terlibat dalam kes gangguan seksual di bawah Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2005.
- 2.5 Sehubungan itu, sebagai sebuah Universiti yang menyokong pembentukan persekitaran pembelajaran yang bebas daripada gangguan seksual maka dasar dan Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Universiti Putra Malaysia telah dibangunkan bagi menangani dan mengendali masalah gangguan seksual dalam kampus.

3.0 Terminologi dan Singkatan

BHEP	:	Bahagian Hal Ehwal Pelajar
BKUPM	:	Bahagian Kaunseling UPM
Ketua PTJ	:	Ketua Pusat Tanggungjawab
Pengadu	:	Pihak yang membuat aduan terhadap perlakuan gangguan seksual yang dilakukan ke atas orang lain
PYDM	:	Pihak Yang Disyaki Mengganggu
PYD	:	Pihak Yang Diganggu
UPM	:	Universiti Putra Malaysia

4.0 Pernyataan Dasar Universiti Putra Malaysia Mengenai Gangguan Seksual

DASAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (TOLAK ANSUR SIFAR MENGENAI PERBUATAN GANGGUAN SEKSUAL)

Universiti Putra Malaysia (UPM) komited menyediakan persekitaran dalam kampus yang selamat dan sejahtera kepada warga UPM. Perbuatan gangguan seksual boleh mengganggu gugat keselamatan dan kesejahteraan warga UPM. Universiti tidak akan bertoleransi dengan apa-apa perbuatan gangguan seksual sama ada perlakuan itu secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal ke atas warga UPM tanpa mengambil kira perbuatan gangguan itu dilakukan oleh:

- pekerja kepada pekerja;
- pekerja kepada pelajar;
- pekerja kepada pelanggan UPM;
- pelanggan UPM kepada pekerja;
- pelajar kepada pelajar;
- pelajar kepada pekerja;
- pelajar kepada pelanggan UPM;
- pelanggan UPM kepada pelajar.

Semua warga UPM hendaklah menjauhi perbuatan gangguan seksual dan hendaklah mematuhi Dasar ini. Universiti menganggap perbuatan gangguan seksual adalah suatu kesalahan serius dan Universiti mempunyai tolak ansur sifar terhadap apa-apa perbuatan gangguan seksual dan akan mengambil tindakan sewajarnya termasuk tindakan tatatertib dan guaman ke atas pelaku perbuatan itu.

5.0 Kumpulan Sasaran

Garis Panduan ini adalah terpakai dan dikuatkuasakan ke atas seluruh warga UPM yang merangkumi perhubungan berikut:

- 5.1 Perhubungan antara Pelajar dengan pelajar, “Pelajar” adalah terdiri daripada:
 - 5.1.1 Pelajar yang melanjutkan pengajian secara sepenuh masa di UPM dan berstatus aktif.
 - 5.1.2 Pelajar yang melanjutkan pengajian secara separuh masa di UPM dan berstatus aktif.
 - 5.1.3 Pelajar Institusi Pengajian Tinggi dari luar negara yang sedang mengikuti program mobiliti (*inbound*) di UPM.

- 5.2 Perhubungan antara Pelajar dengan pekerja Universiti. “Pekerja Universiti” adalah terdiri daripada:
 - 5.2.1 Pekerja akademik
 - 5.2.2 Pekerja bukan akademik

Seseorang pelajar tidak dibenarkan melakukan sebarang perbuatan yang berunsur seksual kepada pekerja universiti seperti, meminta untuk mengadakan hubungan seksual, merapati secara seksual atau memberi isyarat yang berbaur seksual dan lucah kepada pekerja akademik atau bukan akademik.

Seseorang pekerja akademik dan bukan akademik tidak dibenarkan membuat pernyataan berunsur seksual atau hubungan seksual atau melakukan sebarang perbuatan seksual terhadap seseorang pelajar.

- 5.3 Perhubungan antara Pelajar dengan pihak luar. “Pihak luar” yang berurusan dengan warga UPM adalah seperti berikut:

Orang awam selain kakitangan dan pelajar Universiti

 - 5.3.1 Pelawat Universiti
 - 5.3.2 Pengguna kemudahan universiti

5.3.3 Pekerja syarikat pembekal

5.3.4 Pelajar luar yang menjalani program akademik di UPM

5.3.5 Lain-lain

6.0 Pengertian Gangguan Seksual

Gangguan seksual bermaksud sebarang bentuk perhatian seksual atau tingkah laku berunsur seksual yang tidak diinginkan sama ada dalam bentuk ucapan, perbuatan, isyarat dan gangguan psikologi yang boleh berlaku dalam bentuk yang disengajakan atau berulang-ulang yang memberi kesan gangguan emosi, psikologi atau fizikal kepada mangsa gangguan seksual contohnya:

- 6.1 perbuatan tersebut menyebabkan wujudnya satu persekitaran yang penuh dengan tekanan dan ancaman.
- 6.2 perbuatan tersebut menyebabkan prestasi pembelajaran dan reputasi Pihak Yang Diganggu (PYD) terjejas.
- 6.3 perbuatan tersebut bertujuan untuk memalukan PYD.

7.0 Kategori Gangguan Seksual

Gangguan seksual boleh dibahagikan kepada beberapa kategori seperti berikut:

7.1 Gangguan Seksual Dengan Cara Mencuba Merapati Orang Lain Secara Seksual

7.1.1 Secara umum, perbuatan merapati orang lain secara seksual termasuk dalam semua kategori gangguan seksual. Ia boleh berlaku sekali sahaja atau berulang kali sehingga mangsa merasa tidak selesa. Contohnya seperti perlakuan Pihak Yang Disyaki Mengganggu (PYDM) merapatkan anggota badan dengan tubuh PYD secara sengaja sehingga menyebabkan PYD berasa terganggu dan terancam.

7.2 Gangguan Seksual Dengan Cara Meminta Layanan Seksual

7.2.1 Kategori gangguan seksual ini lebih khusus dan boleh berlaku dalam keadaan PYDM itu mempunyai kuasa atau dianggap mempunyai kuasa untuk memberikan sesuatu faedah atau ganjaran tertentu kepada PYD (*quid pro quo* atau *this in return for that*). Sebagai contoh seperti pemberian gred peperiksaan yang cemerlang dan faedah-faedah lain yang dijanjikan sekiranya PYD bersetuju memberikan layanan seksual kepada PYDM.

7.3 Gangguan Seksual Yang Mengugut (*sexual coercion*)

7.3.1 Gangguan seksual bagi kategori ini boleh berlaku apabila terdapat elemen ugutan ketika cubaan PYDM untuk merapati PYD secara seksual atau meminta layanan seksual sama ada dalam bentuk perbuatan secara lisan, fizikal atau komunikasi bertulis yang berbentuk seksual sehingga ianya memberi kesan kepada prestasi akademik PYD.

7.3.2 Perbezaanya ialah PYD tidak dijanjikan dengan faedah-faedah tertentu, sebaliknya diugut tidak akan mendapat faedah-faedah sekiranya PYD tidak membenarkan PYDM merapatinya secara seksual atau enggan memberi layanan seksual kepada PYDM.

7.3.3 Sebagai contoh, sekiranya permintaan untuk layanan seksual ditolak oleh PYD, PYD diugut bahawa markah kerja kursus mangsa akan diberi penilaian yang rendah.

7.4 Gangguan Seksual Yang Menyinggung Atau Menghina (*sexual annoyance*)

7.4.1 Gangguan seksual bagi kategori ini pula berlaku apabila perbuatan PYDM boleh menyebabkan PYD yang waras berasa malu, tersinggung atau terhina. Perlakuan gangguan seksual akan menghasilkan persekitaran yang tidak tenteram, tidak selamat dan mengancam keselamatan peribadi seseorang.

7.4.2 Sebagai contoh, perlakuan PYDM merenung atau memandang orang lain dengan pandangan yang berunsur seksual dan dilakukan secara sedar, boleh dianggap sebagai gangguan seksual. Begitu juga perlakuan PYDM yang meraba atau memeluk dengan sengaja dan perlakuan ini tidak disukai oleh PYD sehingga membuatkan PYD merasa terganggu dan malu.

8.0 Perlakuan, Keadaan atau Perbuatan yang Terjumlah Kepada Gangguan Seksual

Bentuk perlakuan, keadaan atau perbuatan yang boleh terjumlah kepada gangguan seksual adalah seperti berikut:

8.1 Gangguan Fizikal

Gangguan seksual yang berbentuk sentuhan fizikal adalah perbuatan seperti merapati orang lain dalam jarak yang terlalu dekat sehingga dia merasa tidak selesa, memegang, menggesel, memeluk, mengusap, mencium, menepuk, mencubit atau sentuhan lain yang berunsur seksual yang tidak diingini sehingga menyebabkan PYD berasa kurang selesa, tersinggung, terhina atau terugut.

8.2 Gangguan Secara Lisan

Gangguan secara lisan dapat dilihat melalui penggunaan bahasa lucah melalui perbuatan, bercerita, berjenaka, membuat bunyi-bunyian, memberi kritikan, komen, pujian berunsur seksual ke atas penampilan, pakaian, tingkah laku, bentuk tubuh badan atau mengajukan soalan berunsur seksual ke atas seseorang secara terang-terangan atau berselindung (berkias) sehingga PYD berasa tersinggung, terhina atau terugut untuk berurusan dengan PYDM. Seperti contoh, kenyataan tentang bahagian pada tubuh badan wanita atau anggota sulit sehingga menyebabkan rasa tidak selesa dan memalukan.

8.3 Gangguan Bukan Lisan (Secara Isyarat)

Bentuk gangguan bukan lisan ini adalah seperti sikap atau perlakuan yang memberi maksud atau gambaran keinginan yang berunsur seksual seperti merenung, menjeling, menggoda, mengintai, menjilat bibir atau menggunakan bahasa isyarat yang lain contohnya seperti merenung, menjeling atau memandang pada bahagian-bahagian tertentu tubuh dengan pandangan

yang tidak sopan, memberi isyarat tangan atau bahasa tubuh yang membayangkan perlakuan seks.

8.4 Gangguan Secara Visual

Gangguan secara visual adalah keadaan apabila PYDM menghantar nota, surat, mel elektronik (emel), *short messaging system* (SMS), *multimedia messaging system* (MMS), gambar, poster, objek, bahan bacaan yang berunsur seksual yang diedar melalui media elektronik, blog, vlog atau platform media sosial seperti aplikasi *Facebook*, *WhatsApp*, *Twitter* atau apa-apa aplikasi yang membolehkan bahan-bahan dipindahkan ke paparan umum dan terbuka atau melalui penggunaan apa jua peralatan media, peralatan elektronik atau peralatan komunikasi kepada PYD sehingga menyebabkan PYD berasa takut, tersinggung, terhina dan terganggu. Contohnya seperti menunjuk atau mempamer gambar/ ilustrasi berunsur lucah, menghantar surat, nota atau bahan bertulis yang berunsur seksual atau menghantar bahan bertulis yang mengandungi simbol lucah.

8.5 Gangguan Secara Psikologi

Gangguan psikologi adalah perbuatan cuba merapati secara seksual, mendorong, mengugut, mendesak, memujuk rayu bagi memenuhi keperluan keinginan seksual pelaku sama ada melalui surat, telefon, emel, media sosial (seperti contoh; *aplikasi WhatsApp*, *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram*) atau sebarang bentuk peralatan komunikasi kepada pengadu yang menyebabkan tekanan emosi dan mental ke atas PYD. Contohnya seperti, rayuan berkali-kali atau berterusan untuk kegiatan berunsur seksual.

9.0 Pengecualian

Dalam keadaan tertentu perbuatan seperti pemberian pujian atau persalaman yang disenangi, pemberian surat tahniah kerana melakukan tugas yang baik, perbincangan seksual secara akademik dan relevan dengan bidang tugas dan sebagainya yang dilakukan dengan suci hati tidak terjumlah kepada gangguan seksual.

10.0 Prosedur Penyelesaian Aduan

PYD yang mengalami gangguan seksual atau suatu gangguan seksual telah berlaku ke atas dirinya, beliau perlu mengambil tindakan berikut:

10.1 Mengemukakan aduan

10.1.1 PYD atau Pengadu mengemukakan aduan rasmi ke Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) melalui Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dengan menggunakan **Borang Aduan Kejadian (Lampiran A)**;

10.1.2 Sekiranya perbuatan gangguan seksual itu terjumlah kepada kesalahan jenayah seperti mencabul kehormatan di bawah seksyen 354 Kanun Keseksaan, PYD atau pengadu boleh membuat laporan polis;

10.1.3 Sekiranya PYD tidak pasti sama ada gangguan seksual telah terjadi ke atasnya atau jika PYD mempercayai dirinya telah mengalami gangguan seksual tetapi tidak pasti apakah tindakan yang boleh diambil, PYD boleh menghubungi Pegawai Kaunseling di Bahagian Kaunseling UPM (BKUPM) untuk mendapatkan maklumat dan khidmat nasihat.

10.2 Aduan oleh Pihak Ketiga

Sekiranya seseorang mempunyai maklumat atau menjadi saksi kepada perlakuan gangguan seksual yang berlaku atau dilakukan oleh PYDM, individu tersebut boleh membuat aduan kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar (sekiranya melibatkan pelajar) atau Unit Integriti UPM (sekiranya melibatkan kakitangan UPM). Individu berkenaan hendaklah memberikan keterangan yang mencukupi berhubung kejadian gangguan seksual itu. Semua pihak yang mengendalikan aduan hendaklah menjaga kerahsiaan aduan tersebut.

10.3 Aduan Tidak Rasmi

Aduan yang tidak dibuat melalui **Borang Aduan Kejadian (Lampiran A)** masih boleh dilayan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM dan PYD hendaklah dinasihati supaya mengambil tindakan mengikut proses yang sewajarnya.

10.4 Penyiasatan

10.4.1 Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) boleh menubuhkan suatu Jawatankuasa Khas Siasatan Dalaman bagi tujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan aduan gangguan seksual yang dilakukan oleh PYDM.

10.4.2 Maklumat penyiasatan yang diperolehi daripada Jawatankuasa Khas Siasatan Dalaman hendaklah mengandungi maklumat seperti berikut:

- (a) keterangan kejadian yang lengkap atau terperinci
- (b) pihak-pihak yang terlibat
- (c) waktu kejadian (tarikh, tempat dan masa kejadian)
- (d) dokumen yang diperlukan
- (e) keterangan dari saksi atau pihak ketiga yang terlibat

- (f) bukti fizikal seperti nota, surat, salinan emel, *short messaging system* (sms), *multimedia messaging system* (mms), gambar, ilustrasi, poster, objek atau bahan bacaan dan visual yang berunsur seksual dan boleh dijadikan sebagai bukti.

10.4.3 Peluang memberi keterangan oleh PYDM

- (a) PYDM perlu dimaklumkan mengenai identiti PYD yang membuat aduan. PYDM hendaklah diberi peluang yang adil untuk memberi keterangan atau penjelasan mengenai kejadian dan mempertahankan dirinya.

10.4.4 Peluang memberi keterangan oleh PYD:

- (a) PYD hendaklah diberi peluang yang adil untuk memberi keterangan atau menjelaskan kejadian dan situasi yang dialaminya untuk mempertahankan aduan yang dibuat olehnya.

10.4.5 Peluang memberi keterangan oleh pihak ketiga (sekiranya perlu):

- (a) Sekiranya seseorang mempunyai maklumat atau menjadi saksi kepada perlakuan gangguan seksual, individu tersebut hendaklah memberikan keterangan yang mencukupi berhubung kejadian gangguan seksual tersebut. Pihak yang terlibat dalam mengendalikan aduan hendaklah menjaga kerahsiaan aduan bagi menjaga maruah pihak-pihak yang terlibat.

10.4.6 Keputusan Penyiasatan

Dapatan hasil penyiasatan oleh Jawatankuasa Khas Siasatan Dalaman berkemungkinan seperti berikut:

- (a) tuduhan atau aduan oleh PYD adalah tidak berasas; atau
- (b) tuduhan atau aduan diselesaikan seperti yang dipersetujui oleh PYD atau PYDM dengan mengisi **Borang Persetujuan Penyelesaian 2**; atau
- (c) tuduhan atau aduan oleh PYD mempunyai asas untuk dipercayai bahawa perlakuan gangguan seksual telah berlaku

Jawatankuasa Khas Siasatan Dalaman akan memaklumkan secara bertulis kepada kedua-dua pihak yang terlibat tentang keputusan penyiasatan serta mengemukakan laporan kepada Jawatankuasa Tatatertib untuk tindakan selanjutnya.

Jawatankuasa Khas Siasatan Dalaman akan menentukan kaedah penyelesaian sama ada:

- (a) merujuk kepada urusetia Jawatankuasa Tatatertib UPM; atau
- (b) mengambil tindakan secara pentadbiran; atau
- (c) merekodkan persetujuan bertulis kedua-dua pihak menggunakan **Borang Persetujuan Penyelesaian 1**.

10.5 Ahli Jawatankuasa Khas Siasatan Dalaman Pelajar

10.5.1 Jawatankuasa Khas Siasatan Dalam Tatatertib Pelajar akan dilantik oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) bagi menjalankan siasatan terhadap aduan gangguan seksual.

10.5.2 Jawatankuasa Khas Siasatan Dalaman Tatatertib Pelajar ini adalah terdiri daripada:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang Setiausaha; dan

- (c) dua orang ahli yang terdiri daripada Pegawai Pengurusan dan Profesional.

10.5.3 Tugas Jawatankuasa Khas Siasatan Dalam Pelajar ialah:

- (a) mendapatkan bukti aduan yang diterima;
- (b) memanggil, menyoal dan menemuduga saksi;
- (c) berhubung, menyoal dan menemuduga mana-mana pegawai dan orang perseorangan lain;
- (d) mengambil keterangan aduan;
- (e) mengakses dan meneliti semua dokumen-dokumen yang berkenaan dan berkaitan dengan penelitian kes; dan
- (f) mengemukakan laporan, rakaman, catatan, soal-selidik, temu-ramah serta senarai dokumen yang telah disemak dan diteliti oleh Jawatankuasa serta membuat dapatan, cadangan tindakan punitif yang perlu diambil oleh pihak Universiti seperti:
 - (i) tindakan secara pentadbiran
 - (ii) tindakan tatatertib

11.0 Proses Mediasi

- 11.1 Proses mediasi adalah kaedah penyelesaian kes melalui sesi rundingan di antara PYD dan PYDM dengan pihak mediator.
- 11.2 Mediator dilantik oleh Pihak Berkuasa Tatatertib dalam kalangan Pegawai Kaunselor bertauliah Universiti.
- 11.3 PYD dan PYDM hendaklah bersetuju untuk melalui proses mediasi sebelum menandatangani borang persetujuan penyelesaian.
- 11.4 Mediator akan memastikan prinsip kerahsiaan yang tinggi diamalkan semasa proses mediasi.
- 11.5 Proses mediasi akan dilaksanakan sekiranya:
 - (a) Jawatankuasa Khas Siasatan Dalaman membuat keputusan aduan yang dibuat oleh PYD adalah berasas **(ADA KES)** dan mencadangkan proses mediasi sebagai satu kaedah penyelesaian. Kedua-dua pihak hendaklah bersetuju melalui proses mediasi dan **Borang Persetujuan Penyelesaian 1 (Lampiran B1)** akan ditandatangani oleh kedua-dua pihak selepas proses mediasi selesai; atau
 - (b) Jawatankuasa Khas Siasatan Dalaman membuat keputusan, aduan yang dibuat oleh PYD adalah tidak berasas **(TIADA KES)**. Oleh itu sekiranya kedua-dua pihak bersetuju, proses mediasi akan dilakukan dan **Borang Persetujuan Penyelesaian 2 (Lampiran B2)** akan ditandatangani oleh kedua-dua pihak selepas proses mediasi selesai.

12.0 Tindakan Tatatertib Kepada Pelajar

12.1 Gangguan seksual adalah perlakuan yang boleh dikenakan tindakan tatatertib. Sekiranya hasil siasatan Jawatankuasa Khas Siasatan Dalaman mendapati bahawa wujudnya unsur salah laku oleh PYDM, Jawatankuasa Khas Siasatan Dalaman boleh merujuk kes kepada urusetia Jawatankuasa Tatatertib di bawah:

Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar 2005).

12.2 Sekiranya PYDM didapati bersalah oleh Jawatankuasa Tatatertib di bawah Kaedah 49 dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2005, boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih hukuman yang sesuai yang berikut:

- (a) amaran;
- (b) denda dengan tidak lebih daripada dua ratus ringgit;
- (c) dilarang daripada mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian tertentu Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;
- (d) digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti bagi tempoh yang ditetapkan; atau
- (e) dipecat daripada Universiti.


13.0 Kerahsiaan

- 13.1 Dakwaan gangguan seksual adalah salah satu dakwaan yang serius dan boleh menjejaskan reputasi seseorang walaupun tidak dapat dibuktikan. Oleh kerana itu, aspek kerahsiaan perlu diberikan penekanan di setiap peringkat tindakan yang diambil oleh semua pihak yang terlibat untuk menjaga maruah PYD, PYDM, Pusat Tanggungjawab dan UPM secara keseluruhannya.
- 13.2 Namun begitu, sekiranya Pegawai Kaunselor dipanggil untuk memberi keterangan di mahkamah, tiada halangan undang-undang bagi Pegawai Kaunselor yang berkenaan untuk memberikan keterangan di mahkamah jika keterangan tersebut adalah relevan kepada kes dan tidak bercanggah dengan kepentingan awam.

14.0 Pemakaian


Walau apapun peruntukan dalam Garis Panduan ini, ia tidak menghadkan kuasa mana-mana Jawatankuasa Tatatertib dan mana-mana peruntukan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2005.

15.0 Carta Alir Mengendali Kes Gangguan Seksual



16.0 Senarai Lampiran

- Lampiran A : Borang Aduan Kejadian**
- Lampiran B1 : Borang Persetujuan Penyelesaian 1**
- Lampiran B2 : Borang Persetujuan Penyelesaian 2**

	GARIS PANDUAN PENGENDALIAN KES GANGGUAN SEKSUAL BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR
	BORANG ADUAN KEJADIAN

No. Aduan :/.....

Tajuk Aduan :

Tarikh Aduan : Masa :

BUTIRAN PENGADU :

Nama Pengadu :

No. Kad Pengenalan : No. Staf / No. Matrik :

Jawatan / Pekerjaan :

Kolej/ Alamat :

No. Telefon Bimbit :

BUTIRAN PIHAK YANG DISYAKI MENGGANGGU (PYDM) :

Nama PYDM :

No. Kad Pengenalan : No. Matrik :

Kursus : Semester :

Fakulti :

Kolej / Alamat :

No. Telefon Bimbit :

MAKLUMAT KEJADIAN :

Tarikh Kejadian : Masa Kejadian :

Tempat Kejadian :

Kekerapan Kejadian : Kesan Yang Dialami :

KETERANGAN ADUAN :

Sila lampirkan bukti aduan (jika ada)

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....


PENGESAHAN PENGADU :

T/Tangan Pengadu :

PENGESAHAN PEGAWAI PENERIMA LAPORAN :

T/Tangan dan Cap :

Tarikh :

	GARIS PANDUAN PENGENDALIAN KES GANGGUAN SEKSUAL BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR
	PERSETUJUAN PENYELESAIAN 1

Setelah melalui proses perbincangan, maka persetujuan telah dicapai di antara Pihak Yang Diganggu (PYD)

.....

(no. K/P) dan Pihak Yang Disyaki Mengganggu (PYDM)

.....

(no. K/P)

Dipersetujui bahawa :

- (i) PYDM memohon maaf di atas gangguan seksual yang telah dilakukan terhadap PYD dan berjanji tidak akan melakukan lagi sebarang bentuk gangguan seksual terhadap PYD.
- (ii) PYD bersetuju memaafkan perbuatan gangguan seksual yang dilakukan oleh PYDM.
- (iii) Kedua-dua pihak bersetuju untuk tidak memanjangkan kes ini kepada pihak lain. Oleh yang demikian, kes dianggap selesai.

PENGESAHAN PYDM :

PENGESAHAN PYD :

.....
(T/Tangan PYDM)

.....
(T/Tangan PYD)


Tarikh :

Tarikh :

PENGESAHAN SAKSI :

.....
(T/Tangan dan Cap Saksi)

Tarikh :

	GARIS PANDUAN PENGENDALIAN KES GANGGUAN SEKSUAL BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR
	PERSETUJUAN PENYELESAIAN 2 (TIADA KES)

Setelah meneliti keputusan Jawatankuasa Khas Siasatan Dalaman, didapati tiada kes gangguan seksual sebagaimana yang dilaporkan oleh Pihak Yang Diganggu (PYD), maka melalui proses perbincangan persetujuan telah dicapai di antara PYD

(no. K/P) dan Pihak Yang Disyaki Mengganggu (PYDM)

.....

(no. K/P)

Dipersetujui bahawa :

(i) Kedua-dua pihak bersetuju untuk bermaafan dan tidak memanjangkan kes ini kepada pihak lain.

Oleh yang demikian, kes dianggap selesai.

PENGESAHAN PYDM :

PENGESAHAN PYD :

.....

(T/Tangan PYDM)

.....

(T/Tangan PYD)

Tarikh :

Tarikh :

PENGESAHAN SAKSI :

.....

(T/Tangan dan Cap Saksi)

Tarikh :